



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 3 TAHUN 2020**

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU) :
BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN DAN
BAHAGIAN PENGURUSAN WANG UNIVERSITI**

Pejabat Bendahari

16 Mac 2020

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 10 (3)

16 Mac 2020

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 3/2020

PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU): BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN DAN BAHAGIAN PENGURUSAN WANG UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) : Bahagian Pengurusan Perolehan dan Bahagian Pengurusan Wang Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Bil. 5/2019 berkaitan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 3/2019 pada 11 Julai 2019 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2019 pada 15 Ogos 2019.
- 2.2 Pada 1 Oktober 2019, Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan peraturan kewangan melalui Pekeliling Perbendaharaan di bawah WP 7.5 berkaitan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang menggunakan sama ada sumber Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman Badan Berkanun (BBP).
- 2.3 Universiti juga telah mengemas kini peraturan berkaitan kadar sewaan iaitu penetapan kadar sewaan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*).
- 2.4 Peraturan di para 2.2 dan 2.3 di atas telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bil. 5/2019 pada 9 Disember 2019 dan

diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2019 pada 18 Disember 2019.

3.0 PEMAKAIAN

- 3.1 Tambahan di bawah Bahagian Pengurusan Perolehan adalah seperti berikut :
BAB Q : Perolehan Menggunakan Sumber Dalaman Universiti
- 3.2 Pindaan di bawah Bahagian Pengurusan Wang Universiti adalah seperti berikut:
BAB J : Penjanaaan Pendapatan; Lampiran A - Kadar Penyewaan Ruang Dan Kemudahan.
- 3.3 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **18 Disember 2019**.
- 3.4 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari di menu Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

RAUGP/SPK Pindaan PKPU